

23/04/2001

PM bangga F1, LTdL berjaya promosi negara

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Dua acara sukan utama iaitu Grand Prix Formula Satu Malaysia Petronas (F1) dan Le Tour de Langkawi (LTdL), bukan saja dapat memperkenalkan Malaysia malah mampu menarik kedatangan pelancong ke negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, jutaan penduduk dunia kini sudah tahu di mana Malaysia, malah turut terpegun melihat pemandangan semula jadi yang menarik apabila menyaksikannya melalui siaran televisyen acara sukan itu.

Malah, Perdana Menteri berkata rakyat tempatan juga turut mengaut faedah sampingan serta keuntungan berikutan kedatangan ramai pelancong asing ke negara ini.

"Jika nak dibandingkan antara LTdL dan F1, saya diberitahu bahawa perlumbaan F1 ini dilihat di kaca televisyen di lebih 100 negara membabitkan ratusan juta peminat.

"Bagi LTdL, saya tidak tahu berapa ramai yang melihatnya tetapi ia mengambil masa 10 hari dan ia bukan menunjukkan hanya litar (seperti untuk F1), malah seluruh Malaysia diperkenalkan kepada dunia semasa acara LTdL ini.

"Ini menjadikan Malaysia lebih terkenal supaya lebih ramai akan datang ke Malaysia untuk melancong. Apabila mereka datang ke Malaysia, sudah tentu ramai daripada kita akan dapat banyak keuntungan serta manfaat," katanya.

Dr Mahathir berucap pada majlis penghargaan kepada penaja dan sukarelawan yang terbabit dalam penganjuran kejohanan lumba basikal LTdL 2001 di Seri Kembangan, dekat sini hari ini.

Kejohanan sejauh 1,800 kilometer itu yang merentasi beberapa negeri diadakan pada 6 hingga 18 Februari lalu dan disaksikan oleh kira-kira 500 juta melalui siaran televisyen di semua benua.

Perlumbaan F1 pula yang diadakan setiap tahun sejak 1999, kini disaksikan kira-kira 800 juta penonton di seluruh dunia dan dianggap setaraf dengan Sukan Olimpik dan Piala Dunia. Pada 1999, ia mencatatkan pulangan RM500 juta secara keseluruhan untuk negara ini.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan hadiah kepada pemenang kuiz TV sempena LTdL.

Kuiz yang dianjurkan tiga tahun berturut-turut itu menawarkan hadiah sebuah kereta Proton Wira 1.5 sebagai hadiah utama tajaan Proton di samping hadiah lain seperti telefon bimbit, basikal dan hamper.

Kuiz berkenaan menerima lebih 15,000 penyertaan dengan 5,283 penyertaan yang betul. Cabutan bagi hadiah utama, hadiah pertama dan kedua dilakukan oleh Dr Mahathir pada majlis itu.

Atiyansa @ Mardhiyyah Mohamad Salleh dari Kampung Baru di sini diumumkan sebagai pemenang utama, manakala hadiah pertama dimenangi oleh Noor Adzlindawati Ali dari Port Dickson, Negeri Sembilan dan tempat kedua Rumazi Ahmad dari Triang, Pahang.

Dr Mahathir berkata, sebelum ini Malaysia menghadapi masalah kerana tidak begitu dikenali berbanding Singapura, Indonesia, Thailand dan Filipina. Ini antara lain disebabkan Malaysia adalah nama baru yang dicipta selepas pencatuman Semenanjung dengan Sarawak dan Sabah.

"Dulu ia dikenali sebagai Malaya dan banyak yang tak tahu di mana Malaysia. Ada yang sangka Malaysia ini berada di Afrika kerana (wakil) Melawi dari Afrika kerap duduk di sebelah (wakil) Malaysia pada sidang

antarabangsa. Jadi, jangan marah kalau orang kata Malaysia berada di Afrika.

"Ada juga orang kata, Malaysia ini berada di India kerana Himalaya ada di sana. Sesetengahnya pula bertanya, adakah Malaysia, negara dekat Singapura. Saya amat marah bila kata dekat Singapura...saya kata Singapura dekat dengan Malaysia," katanya.

Beliau berkata, sekarang kekeliruan itu sudah tidak timbul lagi kerana Malaysia sudah begitu terkenal apatah lagi dengan adanya perlumbaan F1 dan LTdL.

"Demonstrasi yang ada itu (anjuran pembangkang), banyak dah tahu lah. Tetapi mereka (masyarakat antarabangsa) tahu lebih (mengenai Malaysia) berkaitan dengan acara sukan yang utama ini. Saya harap kita akan terus berusaha menjayakan acara perlumbaan ini," katanya.

Dr Mahathir juga berkata budaya menyumbang tenaga secara sukarela harus dipupuk kerana ia memberi banyak faedah kepada pelbagai pihak seperti yang ditunjukkan dalam LTdL.

"Saya harap sikap ini akan berterusan supaya kita dapat kembangkan lagi aktiviti seperti ini," katanya sambil mengucapkan terima kasih kepada semua warga Malaysia yang terbabit menjayakan acara antarabangsa itu.

Seramai 990 pegawai dan sukarelawan terbabit dalam acara perlumbaan basikal itu Februari lalu yang dianjurkan oleh First Cartel (M) Sdn Bhd. Acara itu disertai oleh 175 peserta yang mewakili 25 pasukan.

(END)